

**Anwar kekal ahli Parlimen sehingga Agong buat keputusan, kata Speaker**  
**The Malaysian Insider**  
**Feb 24, 2015**

Datuk Seri Anwar Ibrahim kekal sebagai ahli Parlimen Permatang Pauh sehingga Yang di-Pertuan Agong membuat keputusan, kata Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia selepas keluarganya memohon pengampunan Diraja.

Pandikar berkata, perkara itu selaras dengan peruntukkan undang-undang mengikut perenggan (c) Fasal (4) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.

"Dimaklumkan saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat sudah menerima sesalinan petisyen bagi suatu pengampunan pada 24 Februari 2015 yang difailkan oleh Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Nurul Izzah Anwar dan Nurul Nuha Anwar bagi pihak Yang Berhormat Permatang Pauh ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong," kata Pandikar dalam satu kenyataan hari ini.

"Maka kehilangan kelayakan Yang Berhormat Permatang Pauh hanya akan mula berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu diputuskan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong."

Mahkamah Persekutuan pada 10 Februari lalu menolak rayuan akhir Anwar terhadap sabitan dan hukuman penjara 5 tahun yang dijatuhkan Mahkamah Rayuan selepas didapati bersalah meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan pada 2008. – 24 Februari, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-kekal-ahli-parlimen-sehingga-agong-buat-keputusan-kata-speaker>